



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68

3hb Disember 2015

No. 25

AKTA EKSAIS 1976
(Akta 176)

No. 3396.

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS)

Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Pelesenan (Eksais) bagi Daerah Hulu Perak akan mengadakan Mesyuarat Lembaga Pelesenan (Eksais) di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak pada hari Khamis bersamaan 17 Disember 2015 jam 9.00 pagi untuk menimbang permohonan baru, pembaharuan dan menukar nama pelesen bagi tahun pertama 2016.

2. Setiap permohonan hendaklah dibuat atas borang Jadual Akta Eksais 1976 sebanyak Enam (6) salinan dan dihantar kepada Pegawai Daerah Hulu Perak tidak lewat dari 17 November 2015 dan setiap salinan tambahan hendaklah dipamirkan dipremis yang dicadangkan selewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh mesyuarat.

3. Setiap pemohon dikehendaki mengiklankan permohonan-permohonannya di dalam sebuah akhbar harian Bahasa Malaysia dengan perbelanjaan sendiri.

4. Segala bantahan terhadap permohonan lesen hendaklah disampaikan kepada Pegawai Daerah dan Ketua Polis Negeri, Perak Darul Ridzuan, Ipoh selewat-lewatnya sepuluh (10) hari sebelum tarikh mesyuarat.

Bertarikh 29 Oktober 2015
[P.D.Hu. Pk. 208/Bhg. 23]

MOHD TAHIR BIN OSMAN
Pengerusi,
Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah
Hulu Perak

No. 3397.NOTIS MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH KAMPAR
PERATURAN-PERATURAN EKSAIS [LEMBAGA PELESEN] 1977

Dengan ini diberitahu Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Kampar akan mengadakan Mesyuratnya di Pejabat Daerah Kampar pada 30 November 2015 (Isnin) bagi menimbangkan permohonan-permohonan Memperbaharui, Baru, Tukar Nama Pemilik Premis, Nama perniagaan dan Pertukaran Hakmilik.

2. Tiap-tiap permohonan hendaklah dibuat di atas borang yang tertentu sebanyak (6) salinan dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Kampar di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Kampar tidak lewat daripada 27 November 2015 (Jumaat).
3. Apa-apa bantahan terhadap pengeluaran lesen ini hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga selewat-lewatnya 14 hari dari tarikh sebelum persidangannya.

Bertarikh 5 November 2015
[PDKPR: 100-4/3/3]

LATIPAH BINTI SEHIBI
Pengerusi,
Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah
Kampar

No. 3398.MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS)
DAERAH KERIAN

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Lembaga Pelesenan (Eksais) bagi Daerah Kerian akan mengadakan persidangannya pada 9.12.2015 hari Rabu 9.00 pagi di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Kerian bagi menimbangkan permohonan-permohonan seperti berikut:-

- (a) Permohonan membaharui Lesen Rumah Awam bagi tempoh separuh tahun pertama 2016 (01.01.2016 - 30.06.2016);
 - (b) Permohonan membaharui Lesen Minuman Keras secara Runcit bagi tempoh separuh tahun pertama 2016 (01.01.2016 - 30.06.2016);
 - (c) Permohonan membaharui Lesen Minuman Keras secara Borong bagi tempoh separuh tahun pertama 2016 (01.01.2016 - 30.06.2016);
 - (d) Permohonan Baharu Lesen Minuman Keras secara Runcit, Borong, Rumah Awam dan Rumah Bir bagi tempoh separuh tahun pertama 2016 (01.01.2016 - 30.06.2016);
2. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Akta Eksais 1976 - Permohonan Untuk Lesen Bagi Menjual Minuman Yang Memabukkan.

3. Semua permohonan lesen baharu hendaklah menyertakan sembilan (9) salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah. Pemohon juga dikehendaki mengiklankan permohonan di dalam dua (2) jenis surat khabar berbahasa Melayu dan Inggeris dengan perbelanjaan sendiri serta salinan iklan itu perlu dipamerkan dihadapan pintu premis perniagaannya dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh iklan.
4. Mana-mana bantahan terhadap permohonan lesen baharu hendaklah disampaikan kepada Pengurus Lembaga Pelesen (Eksais) Daerah Kerian d/a Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengiklanan.

Bertarikh 18 November 2015
[PD.KRN. 04/12/01/01]

DATO' HAMZAH BIN HUSSIN
Pengurus,
Lembaga Pelesen (Eksais)
Daerah Kuala Kangsar

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

ENAKMEN AKTA PERHUTANAN
NEGARA 1984 (PEMAKAIAN) 1985

NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (ADOPTION)
ENACTMENT 1985

No. 3399.

PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH DARIPADA

HUTAN SIMPAN PAPULUT

EXCISION OF PART OF LAND FROM THE
PAPULUT FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], seperti yang diterima pakai oleh Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [En. Bil. 3 tahun 1985], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisyiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam Warta Kerajaan Negeri Perak, kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisyiharkan sebagai Hutan Simpan Papulut yang disiarkan melalui Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 2423 bertarikh 4 Mei 1923 hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian Hutan Simpan Kekal itu.

JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 209.7 hektar dalam Mukim Gerik, Daerah Hulu Perak bergaris tepi warna kelabu pada P.W. 4144 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 23 Oktober 2015

[PTG.Pk. 220/4-1 SJ.1 (E); PT.GK. 353/226/02/2009 Jld.2;
PU.Pk. 67/71-47 Jld. 4]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by section 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], as adopted by the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [En. No. 3 of 1985], the State Authority hereby declares that from the date of publication of this Notification in the Perak Government Gazette, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Papulut Forest Reserve published *vide* Federated Malay States Government Gazette No. 2423 dated 4 May 1923 shall cease to be part of the Permanent Reserved Forest.

SCHEDULE

The area of approximately 209.7 hectares in the Mukim of Gerik, District of Hulu Perak outlined in grey on PW 4144 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 23 October 2015

[PTG.Pk. 220/4-1 SJ.1 (E); PT.GK. 353/226/02/2009 Jld.2;
PU.Pk. 67/71-47 Jld. 4]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 3400.

PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH DARIPADA
HUTAN SIMPAN PAPULUT

EXCISION OF PART OF LAND FROM THE
PAPULUT FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], seperti yang diterima pakai oleh Enakmen

Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [*En. Bil. 3 tahun 1985*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisyiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisyiharkan sebagai Hutan Simpan Papulut yang disiarkan melalui *Warta Kerajaan Negeri Melayu Bersekutu No. 2423* bertarikh 4 Mei 1923 hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian Hutan Simpan Kekal itu.

JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 110.6 hektar dalam Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak bergaris tepi warna kelabu pada PW 4060 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 28 Oktober 2015
[PTG.Pk. 238/5-12 (C); PT.GK. 4A/118/81;
PU.Pk. 67/71-47 Jld. 4]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

Majlis Mesyuarat Kerajaan

Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by section 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], as adopted by the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [*En. No. 3 of 1985*], the State Authority hereby declares that from the date of publication of this Notification in the Perak Government *Gazette*, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Papulut Forest Reserve published *vide* Federated Malay States Government *Gazette* No. 2423 dated 4 May 1923 shall cease to be part of the Permanent Reserved Forest.

SCHEDULE

The area of approximately 110.6 hectares in the Mukim of Kenering, District of Hulu Perak outlined in grey on PW 4060 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 28 October 2015
[PTG.Pk. 238/5-12 (C); PT.GK. 4A/118/81;
PU.Pk. 67/71-47 Jld. 4]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 3401.

PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH DARIPADA
HUTAN SIMPAN PAPULUT

EXCISION OF PART OF LAND FROM THE
PAPULUT FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], seperti yang diterima pakai oleh Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [En. Bil. 3 tahun 1985], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisyiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, maka kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisyiharkan sebagai Hutan Simpan Papulut yang disiarkan melalui *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* No. 2423 bertarikh 4 Mei 1923 hendaklah terhenti daripada menjadi sebahagian Hutan Simpan Kekal itu.

JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 325.89 hektar dalam Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak bergaris tepi warna kelabu pada P.W. 3979 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 23 Oktober 2015
[PTG.Pk. 278/4-39 (E); PT.GK. 24/88 Jld. 2;
PU.Pk. 67/71-47 Jld. 4]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by section 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], as adopted by the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [En. No. 3 of 1985], the State Authority hereby declares that from the date of publication of this Notification in the Perak Government Gazette, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Papulut Forest Reserve published *vide* Federated Malay States Government Gazette No. 2423 dated 4 May 1923 shall cease to be part of the Permanent Reserved Forest.

SCHEDULE

The area of approximately 325.89 hectares in the Mukim of Kenering, District of Hulu Perak outlined in grey on P.W. 3979 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 23 October 2015

[PTG.Pk. 278/4-39 (E); PT.GK. 24/88 Jld. 2;
PU.Pk. 67/71-47 Jld. 4]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

No. 3402.

NOTIS DI BAWAH PERENGGAN 67(1) (a)

NOTICE UNDER PARAGRAPH 67(1) (a)

Notis dengan ini diberikan bahawa Majlis Daerah Perak Tengah, sebagai pihak berkuasa yang berkenaan berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Perak Tengah, bercadang untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 67(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] yang kesannya berlaku penutupan jalan di persimpangan jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual. Jalan alternatif yang lain adalah seperti yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual.

JADUAL

Persimpangan Jalan Yang Ditutup

(1)

-Persimpangan No. 2 Jalan Teknologi 1
(Taman Iskandar Perdana - SIBC)

Laluan Alternatif

(2)

-Persimpangan No. 1 dan No. 3
Jalan Teknologi 1 (Taman
Iskandar Perdana - SIBC)

Bertarikh 29 Oktober 2015

[MDPT U8/1 (15); PU.Pk. 2/82 (iv)]

TUAN HAJI MAD DAN BIN HASSAN

Yang Dipertua

Majlis Daerah Perak Tengah

Notice is hereby given that the Perak Tengah District Council, being the appropriate authority in relation to any road situated within the Perak Tengah District Council area, proposes to make an order under subsection 67(2) of the Local Government Act [Act 171] the effect of which is the road closure at the junction prescribed in column 1 of the Schedule. The other alternative roads are as prescribed in column (2) of the Schedule.

Any objection to the above proposal must be sent in writing addressed to the President, Perak Tengah District Council at least fourteen days the date of this Notice is published in the *Gazette*.

JADUAL

Close Junction (1)	Alternative Access Road (2)
-The Junction No. 2 Jalan Teknologi 1 (Taman Iskandar Perdana - SIBC)	-The Junctions No. 1 and No. 3 of Jalan Teknologi 1 (Taman Iskandar Perdana - SIBC)

Date 29 October 2015
[MDPT U8/1 (15); PU.Pk. 2/82 (iv)]

TUAN HAJI MAD DAN BIN HASSAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Perak Tengah

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

No. 3403.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI UKUR DI DAN BAGI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual pertama untuk memegang jawatan Pegawai Ukur di dan bagi Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa mulai dari tarikh dari yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

2. Pelantikan pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Kedua adalah dibatalkan mulai dari tarikh yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2).

**APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF SURVEY OFFICERS IN
AND FOR THE STATE OF PERAK DARUL RIDZUAN**

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed the officers named in column (1) of the First Schedule to hold the office of Survey Officer in and for the State of Perak Darul Ridzuan with effect from the dates set out opposite their respective names in column (2).

2. The appointment of officers named in column (1) of the Second Schedule is revoked with effect from the dates set out opposite their names in column (2).

JADUAL PERTAMA/FIRST SCHEDULE

(1)	(2)
Encik SR John Elvis Koh S.I.S., P.P.T	14/07/2014
Encik Hamzah bin Hasan	11/05/2015
Encik Mohd Tabaruni bin Ibrahim	14/07/2014
Encik Robin Seet Poh Aik	14/07/2014
Cik Chin Swee Ching	03/11/2014
Puan Nor Illiana Ayuni binti Shamsudin	03/11/2014
Encik Segaran a/l Annamalai	01/12/2014
Encik Wan Ahmad Salimi bin Wan Chik	01/12/2014
Encik Roslan bin Ab Rashid	03/11/2014
Encik Syed Mohmad Amin bin Syed Taha	01/08/2014

JADUAL KEDUA/SECOND SCHEDULE

(1)	(2)
Encik Jasni bin A Rahman	14/07/2014
Encik Mohd Makros bin Rasimin	14/07/2014
Encik Mohd Farid Al Azmi bin Isahak	03/11/2014
Encik Sasikumar a/l M. Krishnan	15/06/2015
Encik Arshad bin Mohd Isa	01/03/2014
Encik Mohd Razif bin Isha	20/01/2014
Encik Hazman bin Md. Jauhar	15/10/2014

Bertarikh 28 Oktober 2015

Dated 28 October 2015

[PSUK.PK.(PSM) 1.A.355/9/3;

PU.Pk. 26/05]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha/Secretary

*Majlis Mesyuarat Kerajaan/State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 3404.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Act 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—PW 3779. Luas—4243.74 meter persegi.

Bertarikh 2 September 2015

[PTG.Pk. 402/5-1438(B)OSC; PTK(I)1/5-119;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 71]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an open space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

SCHEDELE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—PW 3779. Area—4243.74 square metres.

Dated 2 September 2015

[PTG.Pk. 402/5-1438(B)OSC; PTK(I)1/5-119;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 71]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary

*State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 3405.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Loji Rawatan Kumbahan dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—PW 3779. Luas—2078.72 meter persegi.

Bertarikh 2 September 2015
[PTG.Pk. 402/5-1438(B)OSC; PUPKW 377-2013;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 71]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Sewage Treatment Plant and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Sewerage Services Department.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—PW 3779. Area—2401.03 square metres.

Dated 2 September 2015
[PTG.Pk. 402/5-1438(B)OSC; PUPKW 377-2013;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 71]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 3406.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Zon Penampang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—PW 3779. Luas—2401.03 meter persegi.

Bertarikh 2 September 2015

[PTG.Pk. 402/5-1438 (B) OSC; PTK(I)1/5-119;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 71]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Buffer Zone and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—PW 3779. Area—2401.03 square metres.

Dated 2 September 2015

[PTG.Pk. 402/5-1438 (B) OSC; PTK(I)1/5-119;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 71]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 3407.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Masjid dan Pusat Kegiatan Islam Taman Cicely, Teluk Intan dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang. No. Pelan—P.A. 109052. No. Lot—33734. Luas—1.743 hektar.

Bertarikh 29 Oktober 2015

[PTG.Pk. 173/4-27 (C); PTHP 13/3/161; PUPK 1045/2009;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 72]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Setiausaha**Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Durian Sebatang, District of Hilir Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Mosque and Islamic Activity Centre of Taman Cicely, Teluk Intan and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Islamic Religious Council and Malay Customs Perak.

SCHEDULE

District—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang. Plan No.—P.A. 109052. Lot No.—33734. Area—1.743 hectare.

Dated 29 October 2015

[PTG.Pk. 173/4-27 (C); PTHP 13/3/161; PUPK 1045/2009;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 72]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

*Secretary**State Executive Council
Perak Darul Ridzuan*

No. 3408.

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUM AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Batu 3, Jalan Lama Tanjung Malim - Behrang Ulu, Mukim Ulu Bernam Timur, Daerah Batang Padang yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk wakaf Sekolah Agama Kariah Masjid Jamek Tanjung Malim dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak.

JADUAL

Daerah—Batang Padang. Mukim—Ulu Bernam Timur. No. Pelan—PW 3274. No. Lot—31493. Luas—17288 meter persegi.

Bertarikh 29 Oktober 2015

[PTG.Pk. 235/6-22 (C); PTSR(T) 67/2-53; PUPKW73_2012;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 72]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56 of 1965], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Batu 3, Jalan Lama Tanjung Malim - Behrang Ulu, Mukim of Ulu Bernam Timur, District of Batang Padang described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a ‘waqaf’ for the Sekolah Agama Kariah Masjid Jamek Tanjung Malim and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak Malay Customs and Islamic Religious Council.

SCHEQUE

District—Batang Padang. Mukim—Ulu Bernam Timur. Plan No.—PW 3274. Lot No.—31493. Area—17288 square metres.

Dated 29 October 2015

[PTG.Pk. 235/6-22 (C); PTSR(T) 67/2-53; PUPKW73_2012;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 72]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD
Secretary
State Executive Council
Perak Darul Ridzuan

No. 3409.

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 5733 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 24 Oktober 1940, Residen Perak, pada menjalankan kuasa yang terletak hak kepadanya oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah [*Cap 138*], telah mengisyiharkan bahagian tanah yang terletak di Sungai Rawa, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual dan terlukis di atas Pelan Hasil Ukur No. 7441 disimpan di Pejabat Ketua Juru Ukur, Perak sebagai rizab bumi untuk Jabatan Kerja Raya yang akan diselenggara oleh Jurutera Eksekutif Kanan Larut, Matang dan Kerian;

Dan bahawasanya, kini didapati suai manfaat oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa perizaban tersebut terdahulu dibatalkan sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu, mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban tersebut sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan sesiapa jua yang ingin membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Perak dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah dan Tanah Kerian pada 28 Disember 2015 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari.

JADUAL

Daerah—Kerian. Mukim—Parit Buntar. No. Pelan—7441. No. Lot—2,233. Luas—10 ekar 1 rod 28 pol.

Bertarikh 4 November 2015

[PTG.Pk. 821/6-1 (C); PTK(D) No.02:04/06/2014;
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 72]

RUMAIZI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Setiausaha

*Majlis Mesyuarat Kerajaan
Perak Darul Ridzuan*

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3322

[3hb Dis. 2015]

Whereas, by Notification No. 5733 published in the Federated Malay States Government *Gazette* on 24 October 1940, the Resident of Perak, in exercise of the powers vested in him by section 24(i) of the Land Code [*Cap 138*], proclaimed that the parcel of land situated at Sungai Rawa described in the Schedule hereto and delineated upon Revenue Survey Plan No. 7441 deposited in the Office of the Chief Surveyor, Perak to be an earth reserve for Public Works Department to be maintained by the Senior Executive Engineer Larut, Matang and Kerian;

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the aforesaid reservation should be revoked as described in the Schedule:

Now therefore, in exercise of the powers conferred upon the State Authority under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority hereby gives notice under subsection 64(2) of the Code of the proposal to revoke the wholly said reservation as described in the Schedule and those who wish to object to such revocation will be heard by the Director of Lands and Mines, Perak in an inquiry to be held at the Meeting Room, Land and District Office of Kerian on 28 December 2015 at 8.00 a.m to 1.00 p.m.

SCHEDULE

District—Kerian. Mukim—Parit Buntar. Plan No.—7441. Lot No.—2,233. Area—10 acres, 1 rood 28 poles.

Dated 4 November 2015

[PTG.Pk. 821/6-1 (C); PTK(D) No.02:04/06/2014;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 72]

RUMAIKI BIN BAHARIN @ MD. DAUD

Secretary

State Executive Council

Perak Darul Ridzuan

No. 3410.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Syed Abdul Rahim bin Syed Mohamed Mahaboob yang beralamat di Sri Rahmat, 1270 Blassom Heights, Jalan Tok Ungku, 70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini/ di Larut dan Matang, Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Asam Kumbang	Lot	2015	1976 - 2014	Denda Lewat 1976 - 2015	Notis 6A	
PN 351926	2543	RM256.00	RM6,660.00	RM345.80	RM20.00	RM7,281.80

Bertarikh 26 Ogos 2015
[PTLM. 146/7/2015/01-3]

KAMARUDDIN BIN AWANG
*Pentadbir Tanah
Daerah Larut dan Matang*

No. 3411.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Majaya Enterprise Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 16 Jalan Bahru, Off Jalan Tokong, 31650 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Larut dan Matang, Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Asam Kumbang	Lot	2015	1991 - 2014	Denda Lewat 1991 - 2015	Notis 6A	
PN 210538	9823	RM142.00	RM3,780.00	RM196.10	RM20.00	RM4,138.10

Bertarikh 26 Ogos 2015
[PTLM. 146/7/2015/01-15]

KAMARUDDIN BIN AWANG
*Pentadbir Tanah
Daerah Larut dan Matang*

No. 3412.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada R.I. Construction Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 72 Jalan Market, 30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Larut dan Matang, Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3hb Dis. 2015]

3325

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Asam Kumbang	Lot	2015	1991 - 2014	Denda Lewat 1991 - 2015	Notis 6A	
PN 210538	9823	RM142.00	RM3,780.00	RM196.10	RM20.00	RM4,138.10

Bertarikh 26 Ogos 2015
[PTLM. 146/7/2015/01-15]

KAMARUDDIN BIN AWANG
*Pentadbir Tanah
Daerah Larut dan Matang*

No. 3413.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Majaya Enterprise Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 16 Jalan Bahru, Off Jalan Tokong, 31650 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Larut dan Matang, Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Asam Kumbang	Lot	2015	1991 - 2014	Denda Lewat 1991 - 2015	Notis 6A	
PN 210537	9822	RM139.00	RM3,700.00	RM192.00	RM20.00	RM4,051.00

Bertarikh 26 Ogos 2015
[PTLM. 146/7/2015/01-16]

KAMARUDDIN BIN AWANG
*Pentadbir Tanah
Daerah Larut dan Matang*

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3326

[3hb Dis. 2015]

No. 3414.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada R.I. Construction Sdn. Bhd. yang beralamat di No. 72 Jalan Market, 30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Larut dan Matang, Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Asam Kumbang	Lot	2015	1991 - 2014	Denda Lewat 1991 - 2015	Notis 6A	
PN 210537	9822	RM139.00	RM3,700.00	RM192.00	RM20.00	RM4,051.00

Bertarikh 26 Ogos 2015
[PTLM. 146/7/2015/01-16]

KAMARUDDIN BIN AWANG
*Pentadbir Tanah
Daerah Larut dan Matang*

No. 3415.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Mohamed Yusof bin Ibrahim yang beralamat di —, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Larut dan Matang, Taiping. Segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Asam Kumbang	Lot	2015	1989 - 2014	Denda Lewat 1989 - 2014	Notis 6A	
GM 197	5409	RM27.00	RM555.00	RM29.10	RM20.00	RM631.10

Bertarikh 29 Oktober 2015
[PTLM. 146/7/2015/05]

KAMARUDDIN BIN AWANG
*Pentadbir Tanah
Daerah Larut dan Matang*

No. 3416.

(Seksyen 97 dan 98)

NOTIS TUNTUTAN HASIL TERHUTANG

Kepada Shahabuddin bin Maarof, yang beralamat di 143 Jalan Suria 3 Taman Suria Taiping, 34000 Perak Darul Ridzuan, tuanpunya tanah/tanah-tanah yang tersebut dalam ruangan satu dan dua dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya hasil yang dikenakan bagi tanah/tanah-tanah yang tersebut dan yang kena dibayar bagi tahun ini telah tidak dibayar dan adalah terhutang mulai dari 1hb Jun.

Tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki, dalam tempoh tiga bulan dari tarikh notis ini disampaikan, supaya membayar di Pejabat Tanah daerah ini di Pejabat Daerah dan Tanah Kg. Gajah segala wang yang sekarang ini kena dibayar sebagaimana yang tercatat dalam ruangan tiga hingga enam dalam Jadual itu dan yang dijumlahkan dalam ruangan akhirnya.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

3328

[3hb Dis. 2015]

Dan lagi adalah diberi notis bahawa, jika jumlah/mana-mana daripada jumlah yang dinyatakan di ruangan akhir itu tidak dibayar dengan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan yang tersebut itu, maka saya yang bertandatangan di bawah ini, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 100, Kanun Tanah Negara, akan mengisyiharkan dengan jalan perintah tanah/tanah-tanah yang berkenaan itu dirampas dan menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

JADUAL TANAH DAN HUTANG-HUTANG

Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot/ P.T.	Hasil tahun ini	Hutang dari tahun-tahun yang lepas	Bayaran dll. yang dikenakan sebagai hasil	Bayaran- bayaran terhutang	Jumlah kena dibayar
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Kampong Gajah	Lot	2015	2002 - 2014	Denda Lewat 2002 - 2015	Notis 6A	
Geran Mukim						
00001221	001385	RM44.00	RM540.00	RM29.20	RM20.00	RM633.20

Bertarikh 28 September 2015
[PTKG.(H)06/12/05]

*Pentadbir Tanah
Daerah Perak Tengah*

No. 3417.

(Seksyen 100)

PERINTAH PENTADBIR TANAH

Bahwasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang dimiliki menurut GRN 27190 (No. Hakmilik), No. Lot 013457 Bandar/Pekan/Mukim Ulu Kinta Daerah Kinta pada 24 Julai 2015 dan juga satu catatan mengenai penyerahannya telah ditulis dalam (DHDK) pada 10 Oktober 2015.

Bahwasanya tuan punya tanah telah gagal membayar sebanyak RM22,610.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Dua Ribu Enam Ratus Sepuluh sahaja) seperti yang dinyatakan dalam Notis Borang 6A tersebut pada atau sebelum 24 Oktober 2015.

Oleh itu, saya dengan perintah ini mengisyiharkan tanah tersebut dirampas menjadi hak pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh 4 November 2015
[PTK(I) No.: 16/08/03/09-11]

HAJI TARMIDZI BIN ABD. MANAP
Pentadbir Tanah Kinta

No. 3418.

(Seksyen 100)

PERINTAH PENTADBIR TANAH

Bahawasanya Notis Tuntutan dalam Borang 6A Kanun Tanah Negara telah diserahkan kepada tuan punya tanah yang dimiliki menurut PN 154861 (No. Hakmilik), No. Lot 2144N Bandar Ipoh Daerah Kinta pada 13 Ogos 2015 dan juga satu catatan mengenai penyerahannya telah ditulis dalam (DHDK) pada 17 Ogos 2015.

Bahawasanya tuan punya tanah telah gagal membayar sebanyak RM42,416.90 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Dua Ribu Empat Ratus Enam Belas dan Sen Sembilan Puluh sahaja) seperti yang dinyatakan dalam Notis Borang 6A tersebut pada atau sebelum 13 November 2015.

Oleh itu, saya dengan perintah ini mengisyiharkan tanah tersebut dirampas menjadi hak pihak Berkuasa Negeri.

Bertarikh 17 November 2015
[PTK(I) No.: 16/08/03/15-36]

HAJI TARMIDZI BIN ABD. MANAP
Pentadbir Tanah Kinta
Ipoh

No. 3419.

(Seksyen 130)

NOTIS PERKEMBALIAN TANAH KEPADA KERAJAAN

Bahawasanya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 100/129, Kanun Tanah Negara, tanah yang dijadualkan di bawah ini telah dengan jalan perintah diisyiharkan dirampas menjadi hak Pihak Berkuasa Negeri.

Notis adalah dengan ini diberi bahawa perampasan itu berkuatkuasa pada hari ini dan bahawa oleh kerana tanah itu menjadi kepunyaan Pihak Berkuasa Negeri:-

- (a) apa-apa jua hakmilik atau kepentingan atas tanah itu yang dahulunya ada atau yang boleh timbul adalah dipadamkan, dan
- (b) suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah itu adalah tidak sah dan boleh dirampas oleh Kerajaan.

JADUAL TANAH YANG DIRAMPAS

Bandar/Pekan/Mukim—Bandar. No. Lot—130. Luas—0.456 hektar. Jenis dan No. Hakmilik—GM 1647.

Bertarikh 21 Oktober 2015
[PTKG. H/6/11 SJ. 40]

HAJI MAD DAN BIN HASSAN
Pentadbir Tanah Daerah
Perak Tengah

No. 3420.

(Seksyen 130)

